

Impak Pendekatan kreatif dalam Pengajaran dan Pembelajaran kosa kata Arab

BITARA

Volume 3, Issue 1, 2020: 010-021
© The Author(s) 2020
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

Siti Rohani Jasni,¹ Suhaila Zailani @ Ahmad¹ & Hakim Zainal¹

Abstrak

Pedagogi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab telah mengalami perubahan seiring dengan perkembangan semasa. Pendekatan yang bersifat tradisional dan pasif semakin kurang digemari oleh generasi masa kini yang lebih tertarik kepada sesuatu yang kreatif dan menyeronokkan. Kajian ini bertujuan membincangkan pendekatan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata Arab. Kajian ini merupakan kajian literatur melalui analisis kandungan dan diuraikan secara deskriptif. Dapatan menunjukkan bahawa kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata Arab dapat meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran. Pelajar juga akan lebih berautonomi melalui pendekatan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar dan menggalakkan mereka mempraktikkannya dalam konteks kehidupan yang sebenar. Implikasi kajian ini dapat menjadi nilai tambah kepada tenaga pengajar bahasa Arab dalam memperbanyakkan aktiviti dan latihan yang dapat mengayak penguasaan kosa kata Arab dengan lebih efektif.

Kata Kunci

Pendekatan kreatif, pengajaran, pembelajaran, kosa kata, bahasa Arab.

Cite This Article:

Siti Rohani Jasni, Suhaila Zailani @ Ahmad & Hakim Zainal. 2020. Impak pendekatan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(1): 010-021.

Pengenalan

Pendekatan kreatif merupakan salah satu konsep pembelajaran yang bertujuan memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Fokus utama pendekatan kreatif dilakukan untuk mengelakkan rasa jemu dan bosan terhadap gaya pengajaran dan pembelajaran yang sudah terbiasa dengan penyampaian fakta dan hafalan. Pengajaran dan pembelajaran berbentuk kreatif dapat mengalihkan perhatian pelajar untuk meneroka sesuatu yang baru berasaskan penyelesaian masalah. Dengan menerapkan aktiviti yang bersifat kreatif daya kreativiti pelajar dapat diasah dengan baik serta dapat membina komunikasi berkesan antara guru dengan pelajar dan pelajar dengan pelajar.

Konsep pendekatan kreatif ini bersesuaian dengan gaya pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia berasaskan aktiviti 4K1N iaitu komunikasi, kolaborasi, kreativiti, pemikiran kritis dan nilai sahsiah (Sinar Harian 2018).

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

Hakim Zainal, Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi Selangor, MALAYSIA.
E-mail: haza@ukm.edu.my

Aktiviti 4K1N ini dilaksanakan untuk meningkatkan kemahiran sendiri pelajar dalam pelbagai bidang untuk melahirkan generasi yang berwawasan serta berdaya saing di masa hadapan. Tambahan pula, pelajar generasi kini perlu bersedia untuk berhadapan dengan perubahan gelombang era globalisasi yang semakin mencabar.

Proses pengajaran dan pembelajaran kreatif bukan sahaja mampu menjadikan pelajar lebih berautonomi dalam menambah ilmu pengetahuan, tetapi pembelajaran berasaskan pengalaman yang bersifat praktikal dapat membantu mereka memahami dan mengingat pelajaran dengan lebih baik. Rinkevich (2011) mendapati pendekatan kreatif mampu memberi kesan positif terhadap perkembangan kognitif dan pencapaian pelajar. Keadaan ini boleh berlaku kerana aktiviti yang kreatif dapat merangsang kreativiti dan keterbukaan pelajar dalam menerima maklumat. Justeru itu, Wilhelm (2008) mencadangkan agar guru meningkatkan kreativiti dalam pengajaran dapat meningkatkan penguasaan serta pemahaman pelajar dengan menggalakkan mereka bekerjasama untuk menyelesaikan projek bersama-sama dengan rakan sekelas.

Pernyataan Masalah

Teknik pengajaran guru yang bersifat sehalu dan tertumpu kepada hafalan semata-mata sudah kurang relevan pada masa kini. Kecenderungan guru untuk menyampaikan fakta tanpa memberi perhatian terhadap kebolehan dan minat pelajar menjadikan suasana pembelajaran lesu dan membosankan. Senario ini hanya menyebabkan pengajaran dan pembelajaran kurang menarik dan kurang berkesan. Kajian mendapati kelemahan pelajar dalam bahasa Arab adalah disebabkan oleh kurangnya penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar (Azani 2012). Fenomena ini dikaitkan dengan motivasi pelajar yang rendah dan persepsi negatif terhadap bahasa Arab (Zamri et al. 2014; Ashinida 2013). Oleh itu, usaha untuk memudahkan proses pembelajaran melalui strategi pengajaran kreatif perlu dipertingkatkan dengan aktiviti-aktiviti yang dapat merangsang minda pelajar (Ahmad Shafiq et al. 2017; Ahmad Faizuddin et al. 2016). Kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran dapat dikaitkan dengan pembangunan material dan pendekatan yang menggalakkan minat pelajar dan motivasi mereka. Oleh itu, pemilihan teknik dan aktiviti pengajaran yang baik dapat memastikan pembelajaran berjalan lancar dan memudahkan pelajar memahami isi kandungan pelajaran yang disampaikan (Irma Martiny et al. 2017 & Azani et al. 2012).

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

1. Menenal pasti bentuk pengajaran dan pembelajaran kosa kata Arab.
2. Membincangkan impak pendekatan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata Arab.

Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan metode kajian literatur. Pengumpulan data dilakukan secara analisis kandungan daripada penulisan artikel, jurnal dan buku ilmiah. Pencarian maklumat berkaitan gamifikasi dilakukan melalui beberapa pangkalan data seperti berikut: *Scopus*, *ScienceDirect*, *Google Scholar*, dan *Emerald*. Istilah pendekatan kreatif dalam pembelajaran kosa kata Arab digunakan sebagai pencarian. Kata kunci dicari melalui multi bahasa iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Data yang terkumpul kemudiannya dihuraikan secara analisis deskriptif.

Penguasaan Kosa Kata Arab

Kajian literatur mendapati kajian lepas lebih cenderung ke arah penguasaan kosa kata Arab dengan menyasarkan kepada golongan tertentu. Kosa kata Arab dipelajari melalui pelbagai kaedah yang dapat memudahkan pelajar untuk mengingatnya dalam jangka masa yang panjang. Pemilihan kaedah pengajaran dan pembelajaran kosa kata Arab mengambil kira domain sosial, perbezaan pelajar dan suasana pembelajaran. Hal ini bertepatan dengan kajian sarjana Barat, Ellis (1994) yang membina model perolehan bahasa berdasarkan situasi, sosial, perbezaan individu dan hasil pembelajaran. Beberapa aspek lain turut dikaji sarjana pendidikan bahasa seperti pemilihan dan penggunaan kaedah berdasarkan perbezaan pencapaian dan penguasaan kemahiran berbahasa (Lightbown & Spada 2003), motivasi (Dornyei 2005). Perbezaan bahasa dan ortografi juga dibahas secara linguistik dalam kajian lepas oleh sarjana bahasa (Walker 2017). Di Malaysia, pengajaran dan pembelajaran kosa kata Arab memerlukan kaedah yang terancang bagi memastikan bahasa sasaran mencapai objektifnya khususnya dalam negara yang terdiri daripada rakyat berbilang agama dan bangsa.

Pembelajaran kosa kata Arab sememangnya dianggap mudah bagi pelajar yang mempunyai asas pengetahuan mengenal huruf, bunyi dan makna perkataan terutamanya pelajar yang beragama Islam. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit kesukaran bagi pelajar yang bukan beragama Islam untuk mendalami bahasa Arab. Masalah yang dapat dilihat ialah kesukaran untuk menuturkan perkataan Arab dari segi huruf, baris dan bunyinya. Oleh itu, kaedah transliterasi telah diperkenalkan bagi memudahkan pembelajaran bahasa Arab bagi golongan ini (*Arabic for Specific Purposes*). Kajian Azman & Ahmad Nazuki (2010) mendapati kaedah transliterasi dapat membantu pelajar dalam kemahiran menulis terutamanya dalam proses menyalin nota, menulis catatan dan sebagainya. Kaedah ini penting bagi pelajar novis untuk memudahkan mereka menyebut bunyi perkataan dan mengenal pasti makna perkataan bahasa Arab. Kaedah transliterasi dapat memudahkan pelajar melafazkan ungkapan, menyoal, menyatakan idea dan menyampaikan pesanan dan ucapan (Mohammad Seman & Mohd Zuhir 2006). Dengan tercetusnya idea transliterasi dalam pembelajaran bahasa Arab dapat memudahkan cara pelajar mengasah kebolehan mereka dalam kemahiran membaca dan bertutur dengan lebih baik.

Berbeza dengan kajian Nor Yazidah et al. (2016). Kajian ini mengkhususkan penguasaan kosa kata Arab dalam kalangan orang dewasa. Kajian ini bertujuan untuk mereka bentuk modul pembelajaran asas bahasa Arab untuk pelajar warga emas. Reka bentuk modul dalam kajian ini

terdiri daripada lima fasa iaitu analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian modul berdasarkan teori pembelajaran dewasa *Knowles*. Modul dimulakan dengan pengenalan huruf dan sebutan *makhrajnya*. Pemilihan kosa kata Arab bertemakan akidah yang terdiri daripada sumber al-Quran, al-Hadith, 99 nama Allah. Kosa kata Arab dipelajari dengan menggunakan terjemahan al-Quran perkata. Proses penguasaan kosa kata baru dilakukan dengan mengecam perkataan, mengetahui makna serta menggabungkan perkataan dan makna dalam ingatan. Beberapa kosa kata serapan juga disenaraikan bagi memudahkan pelajar mengingat perkataan tersebut. Modul ini juga mengandungi asas tatabahasa Arab seperti *mudhakkar*, *muannath*, *ism al-isyarat*, *harf jarr*, *al-damir*, *fi'il*, *mufrad* dan *jama'*. Turut diselitkan dalam modul beberapa doa pilihan dan teks-teks perbualan mudah antaranya teks perbualan *ta'aruf*, perbualan di masjid, perbualan di kedai makan dan diakhiri dengan latihan.

Manakala, kajian Abd Razak (2004) cuba membangunkan modul berasaskan pendekatan MUKADDAM yang diubah suai daripada konsep tindanan, pendekatan perbandingan bahasa dan konsep PQ4R (*Preview-Question-Read-Reflect-Recite-Review*). Modul ini terdiri daripada panduan asas mengenal huruf, kamus kata serapan dwibahasa dan lima teks contoh. Kajian ini menggunakan ujian pra dan pos untuk menguji pencapaian dan kefahaman pelajar dalam perbendaharaan kata bahasa Arab. Sampel kajian terdiri daripada 180 orang pelajar daripada tiga buah sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Negeri Sembilan. Hasil ujian t menunjukkan pendekatan alternatif MUKADDAM lebih berkesan berbanding pendekatan tradisional dan berjaya meningkatkan perbendaharaan kata pelajar tanpa mengira jantina.

Di samping itu, penguasaan kosa kata Arab juga dipelajari menerusi kaedah kata kunci. Muhammadul Bakir (2006) dalam kajian beliau telah memperkenalkan kaedah kata kunci dan menguji keberkesanannya dalam pembelajaran bahasa Arab. Keputusan ujian yang dilakukan terhadap dua kumpulan pelajar mendapati kaedah kata kunci dapat mengatasi masalah yang dihadapi pelajar untuk menguasai kosa kata bahasa Arab melalui strategi daya ingatan. Hasil dapatan menunjukkan kesemua 34 pelajar daripada kumpulan satu yang didedahkan dengan kaedah kata kunci mendapat keputusan cemerlang, manakala kumpulan dua yang diajar dengan menggunakan kaedah biasa pula 7 orang pelajar memperoleh keputusan cemerlang, 12 orang pelajar mendapat sangat baik, 3 orang pelajar mendapat baik dan hanya 5 orang pelajar lulus. Kaedah kata kunci berkesan untuk mengenal dan mengecam perbendaharaan kata dengan memadankan perkataan yang mempunyai bunyi yang sama dengan bahasa ibunda (Kamarul & Mohamed Amin 2010). Namun, kaedah ini kurang berkesan dalam membantu pelajar untuk mengeja dan menyebut perkataan dengan betul.

Konsep pengulangan juga diberi penekanan dalam proses perolehan kosa kata Arab. Aktiviti latihan yang melibatkan pengulangan dapat memantapkan pengetahuan sedia ada. Kajian Shahrizal et al. (2017) mendapati konsep *tardid* atau *takrir* (pengulangan) diamalkan dalam metode pengajaran guru bahasa Arab untuk memberi kefahaman kepada pelajar dalam topik tatabahasa Arab seperti *al-tadhkir wa ta'nith*, *al-'ifrad wa tathniyyah wa jam'*, *al-dama'ir* dan *tasrif al-af'* al. Konsep ini juga menjadi amalan dalam kalangan pelajar *non-muslim* bagi mempelajari kosa kata Arab secara sendiri dengan menulis semula perkataan yang sukar dan menyebut secara berulang kali. Aspek pengulangan juga amat ditekankan dalam pengajaran hafazan al-Quran sebagai kaedah untuk menghafal ayat-ayat suci al-Quran yang diturunkan dalam bahasa Arab. Menurut Intan Zakiah et al. (2018), Metode pengulangan dalam pengajaran hafazan al-Quran dipelbagaikan dalam aktiviti *talaqqi*, *tasmi'*, *mura'ja'at* dan menyalin semula

ayat suci al-Quran dengan melihat *mushaf* dan tanpa melihat *mushaf*. Situasi ini memperlihatkan metode penguasaan kosa kata Arab mempunyai persamaan dengan hafalan al-Quran kerana medium bahasa yang digunakan adalah sama iaitu dalam bahasa Arab.

Penguasaan kosa kata Arab amat penting kerana ia dapat membantu pelajar untuk memahami, menulis dan bertutur dalam bahasa Arab dengan baik. Debat antaranya, aktiviti yang melibatkan penguasaan kosa kata yang banyak membolehkan pendebat bertutur dengan baik. Tiga pendekatan yang kerap digunakan oleh pelatih debat sepanjang aktiviti debat untuk meningkatkan kemahiran bertutur dijelaskan dalam kajian Rosni et al. (2013) pertama; mencari dan mengumpul perkataan dan ayat melalui kamus Arab-Melayu, kedua; aktiviti pengukuhan dengan membetulkan kesalahan bahasa yang dilakukan oleh pendebat, ketiga; aktiviti aplikasi bahasa Arab melalui penterjemahan perkataan yang tidak fahami, membina ayat pendek, mengembang ayat dan mengajuk. Pembelajaran morfologi Arab dalam kajian ini dapat dilihat melalui aktiviti yang melibatkan pencarian dan pengumpulan kosa kata dalam kamus Arab kerana kamus adalah sumber utama perolehan kata bahasa Arab. Keadaan ini menunjukkan betapa pentingnya aktiviti pengayaan kosa kata Arab dijalankan pada peringkat awal kerana aspek perkataan ialah asas pembinaan ayat.

Kajian lepas juga mendapati kosa kata Arab dapat diperoleh secara tidak langsung melalui aktiviti lakonan. Bilangan kosa kata yang banyak dapat membantu seseorang untuk berkomunikasi tentang sesuatu topik dengan baik. Aktiviti-aktiviti yang melibatkan penyediaan skrip dalam bahasa Arab, hafalan skrip dan penghayatan watak dilihat dapat memperkaya perbendaharaan kosa kata Arab pelajar. Kajian lepas yang menggunakan kaedah lakonan sebagai pendekatan untuk mempelajari kosa kata Arab dilakukan Maimun Aqsha et al. (2014); Azani et al. (2012); Kaseh et al. (2011). Melalui pendekatan lakonan, guru dapat mengenal pasti kelemahan dan kekuatan pelajar dalam penguasaan bahasa Arab. Aktiviti pengukuhan bahasa ini dilakukan bermatlamat untuk membolehkan pelajar menguasai kosa kata bahasa Arab dengan baik dengan penggunaan yang tepat (Harun & Zawawi 2016). Justeru, penekanan terhadap pengayaan kosa kata amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Para sarjana bahasa telah menggariskan beberapa asas penting dalam pengajaran perbendaharaan kata bahasa Arab sebagai bahasa Asing. al-Sini et al. (1985) menggariskan lima perkara utama yang perlu diberi perhatian ialah a) makna-makna lain bagi sesuatu perkataan, b) ruang lingkup makna sesuatu perkataan, c) memastikan perkataan difahami dan digunakan, d) tahap kesukaran sesuatu perkataan dan e) kata akar sesuatu perkataan. Manakala, Sarjana barat, Linda (1990) menjelaskan tujuh aspek utama yang perlu diberi penekanan dalam pengajaran perbendaharaan kata bahasa asing iaitu maklumat tentang a) frekuensi perkataan dalam sesuatu bahasa, b) daftar kata, c) sintaksis, d) morfologi, e) semantik, f) polisemi dan g) nilai persamaan perkataan dengan bahasa ibunda. Secara ringkasnya, dapat disimpulkan bahawa pengetahuan asas tentang asal usul perkataan itu sangat dititik beratkan untuk membantu mengukuhkan kefahaman pelajar terhadap makna dan fungsi perkataan.

Dalam aspek penulisan pula, unsur perkataan atau kosa kata Arab dapat mempengaruhi idea untuk menulis dalam bahasa yang ingin disampaikan. Perbendaharaan kata yang cukup dapat membantu pelajar untuk menulis dengan baik dan berkesan. Kajian Muhammad Zahri & Muhammad Haron (2016) mendapati kemahiran menulis dalam kalangan pelajar sekolah agama menengah berada pada tahap yang lemah. Keadaan ini berpunca daripada aspek

kekurangan perbendaharaan kata dalam bahasa Arab. Kajian ini mencadangkan agar latihan yang melibatkan pengayaan kosa kata Arab dan kaedah tatabahasa dipraktikkan dalam struktur binaan ayat yang lengkap dan difahami. Dalam pada itu, Ahmad Ismail et al. (2016) juga berpendapat bahawa guru bahasa Arab kurang menekankan aspek perolehan kata dan frasa dalam kemahiran menulis. Justeru, beliau mencadangkan agar latihan menulis diperbanyakkan seperti latihan menyempurnakan frasa, latihan mengenal pasti kosa kata, latihan menulis surat, menterjemah petikan, latihan mengenal pasti dan membetulkan kesalahan dalam penulisan. Ini kerana proses penulisan dapat menyumbang kepada perolehan kosa kata baru dan dipraktikkan secara langsung melalui aktiviti penulisan.

Kosa kata dianggap sangat dominan dalam penguasaan bahasa Arab. Kajian lepas mendapati pelbagai strategi yang digunakan oleh pelajar bukan natif untuk menguasai kosa kata Arab. Rabiatul Aribah et al. (2014) mengkaji perbezaan antara strategi pembelajaran kosa kata yang digunakan oleh pelajar jurusan bahasa Arab dengan pelajar yang bukan pengkhususan bahasa Arab. Antara strategi kosa kata yang kerap digunakan oleh pelajar dalam bentuk formal adalah menterjemahkan perkataan kepada bahasa ibunda. Manakala, inisiatif diri sendiri pula merujuk kamus untuk mengetahui perkataan baru. Ini bermakna sekiranya pelajar terlupa perkataan Arab, pelajar akan menggantikan perkataan tersebut dalam bahasa yang lain. Strategi spontan adalah paling kerap digunakan di mana pelajar kerap menggunakan perkataan sendiri dalam bahasa Asing jika terlupa perkataan bahasa Arab dalam perbualan. Dapatan menunjukkan tiada perbezaan ketara diantara strategi yang digunakan oleh pelajar jurusan bahasa Arab dengan pelajar bukan jurusan bahasa Arab.

Impak Pendekatan Kreatif dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata dapat dilakukan dalam pelbagai cara untuk mencetuskan motivasi dan minat pelajar. Kreativiti adalah kunci utama untuk menimbulkan motivasi dan minat yang tinggi terhadap tugas yang akan dilakukan walaupun terpaksa menghadapi kesukaran (Aidah et al. 2016). Dapatan menunjukkan bahawa pendekatan kreatif dapat meningkatkan motivasi pelajar sama ada dari sudut intrinsik dan ekstrinsik (Cahyani 2016; Fairosnita & Kamarul Shukri 2015; Hamari et al. 2014). Pendekatan kreatif bukan sahaja tertumpu dalam bidang bahasa, tetapi lebih meluas dalam pelbagai disiplin ilmu yang lain antaranya Fairosnita & Kamarul Shukri 2015 (bahasa), Mohamad Ridhuan et. al 2017 (perakaunan), Boctor 2013 (pendidikan kejururawatan) & Ramani 2012 (matematik).

Ruang persekitaran pembelajaran juga amat dititikberatkan oleh sarjana bahasa. Persekitaran pembelajaran yang kondusif dapat membantu meningkatkan semangat pelajar untuk mempelajari bahasa Arab. Penguasaan kosa kata Arab diperkaya menerusi aktiviti pengukuhan bahasa yang menggabungkan beberapa elemen penting kemahiran-kemahiran bahasa Arab seperti mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kajian Kamarulzaman et al. (2011) berkaitan pembangunan modul pembelajaran di luar kelas bertujuan untuk menyediakan peluang kepada pelajar untuk merasai pengalaman belajar secara *hands-on*. Antara aktiviti yang diperkenalkan termasuk nasyid, drama, khat, usrah, dikir barat, kuiz, dan permainan bahasa Arab.

Pendekatan pengajaran seumpama ini juga mendapat perhatian pengkaji lepas antaranya Dedek Febrian et al. (2017); Suhaila et al. (2019; 2017); Azani et al. (2012). Pendekatan kreatif dipraktikkan kepada pelajar dengan memberi pendedahan terhadap aktiviti-aktiviti yang melibatkan pengayaan bahasa Arab itu sendiri. Kepelbagaian kreativiti yang diterapkan dalam pembelajaran bahasa Arab dapat merangsang pelajar untuk menggunakan bahasa Arab dalam aspek pertuturan dan penulisan serta menanamkan kecintaan pelajar terhadap keindahan bahasa Arab (Salmah & Suhaila 2017).

Pendekatan kreatif dapat memberi impak yang maksimum terhadap aspek kognitif dan pencapaian pelajar. Kajian Muhammad Syaifullah (2016) berkaitan pembelajaran Kooperatif *Tipe Make a Match* diterapkan dalam kalangan pelajar sekolah rendah untuk meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar. Dapatan menunjukkan penguasaan kosa kata pelajar yang lulus meningkat daripada 67% kepada 79% dan meningkat sebanyak 91% pada ujian seterusnya. Di samping itu, kemahiran interpersonal pelajar juga dapat ditingkatkan. Dapatan Faironita & Kamarul Shukri (2015) membuktikan pembelajaran yang santai dapat mengurangkan rasa malu dan menggalakkan sifat bantu-membantu untuk menyelesaikan tugas secara berkumpulan.

Pemupukan Kreativiti dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Konsep pendekatan kreatif adalah untuk menggalakkan penglibatan pelajar secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Aspek ini dapat dipupuk melalui aktiviti pembelajaran yang bersifat santai dan menyeronokkan. Daya intelektual pelajar juga dapat dikembangkan serta secara tidak langsung dapat mencungkil bakat dan kebolehan mereka dalam berbahasa Arab.

Menurut Aidah et al. (2016) pendekatan kreatif dapat divariasikan dengan menyediakan aktiviti seperti berikut:

1. Menyediakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berbentuk eksperimen, *hand on*, penyelesaian masalah, kerja berpasukan dan berbincang.
2. Menggalakkan pelajar untuk bertanya soalan dan menggunakan imaginasi mere untuk mereka meneroka idea baru.
3. Menggunakan kesilapan dan kelemahan pelajar sebagai ruang untuk mereka belajar.
4. Perbincangan secara terbuka untuk menyelesaikan masalah.
5. Menyoal pelajar dengan soalan berbentuk kreatif seperti “Apa yang akan terjadi sekiranya...?”.
6. Memastikan proses penilaian hasil pembelajaran pelajar mengandungi aspek pemikiran kreatif dan inovatif.

Dalam bidang pendidikan, guru berperanan penting untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar. Namun, tugas guru bukan sekadar memberi ilmu semata-mata, guru bertanggungjawab untuk memastikan pelajar memahami isi kandungan pelajaran yang disampaikan. Bagi mencapai objektif tersebut, guru hendaklah memainkan peranan penting dalam menerapkan kreativiti dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Cropley dalam

Mohamad Mohsin & Nasruddin (2008) menekankan ciri-ciri yang perlu ada bagi guru untuk memupuk kreativiti dalam pembelajaran, antaranya:

1. Menggalakkan pelajar untuk belajar secara bebas.
2. Memotivasikan pelajar untuk menguasai ilmu pengetahuan untuk dijadikan asas kepada pemikiran divergen.
3. Menangguhkan sebarang penilaian terhadap idea yang dikemukakan pelajar kecuali setelah diteliti dengan jelas.
4. Menggalakkan pelajar berfikir secara fleksibel dan menilai secara sendiri terhadap idea-idea yang mereka lontarkan.
5. Memberi peluang kepada pelajar untuk melakukan tugas dengan menggunakan pelbagai bahan.
6. Membantu pelajar belajar untuk menghadapi kegagalan agar mereka tabah untuk mencuba sesuatu yang baru.

Guru yang kreatif mampu menjadikan suasana pembelajaran menyeronokkan serta mampu merangsang minat dan motivasi pelajar untuk mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran. Waktu yang ada diisi dengan pelbagai aktiviti yang dapat memberi kefahaman kepada pelajar tentang pelajaran yang dilaksanakan. Rowe (2004) menegaskan bahawa pendekatan kreatif menekankan pemikiran dan pemahaman pelajar. Antara beberapa cadangan pendekatan kreatif yang boleh dilakukan dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata Arab seperti berikut:

1. Mempelbagaikan pembelajaran kosa kata Arab dengan aktiviti yang menarik.
2. Mempraktikkan kosa kata Arab dalam secara santai melalui permainan.
3. Tidak menghadkan waktu pengajaran dan pembelajaran hanya pada masa dan tempat tertentu sahaja.
4. Menggunakan pelbagai bahan yang ada di sekeliling untuk dijadikan bahan pengajaran dan pembelajaran.
5. Menggalakkan pelajar untuk bekerjasama menyelesaikan tugas.

Dapatan dan Penutup

Secara keseluruhannya, pelbagai teknik yang digunakan oleh pengkaji-pengkaji lepas dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata Arab. Antaranya ialah kaedah kata kunci, kata serapan, penulisan, pengulangan dan sebagainya. Teknik-teknik yang digunakan oleh pengkaji-pengkaji lepas mengkhususkan kepada golongan tertentu bagi memudahkan mereka mempelajari dan mengingat kosa kata Arab. Di samping itu juga, pendekatan pengajaran kosa kata Arab menerusi al-Quran ditekankan oleh Nor Yazidah et al. (2016). Pendekatan ini pula dikhususkan kepada golongan dewasa bagi memudahkan mereka memahami bacaan dalam ibadah. Pemilihan teknik dan kaedah pengajaran dan pembelajaran kepada golongan sasaran amat penting untuk memastikan objektif pembelajaran dicapai.

Pendekatan kreatif boleh dilaksanakan dalam berbagai bentuk, tempat dan keadaan. Harun & Zawawi (2016) menegaskan program-program pembelajaran *outdoor* seperti perkhemahan bahasa Arab wajar diwujudkan bagi menggalakkan penggunaan kosa kata Arab dalam konteks yang sebenar. Program-program atau aktiviti-aktiviti proses pengajaran dan pembelajaran kosa kata Arab ini amat penting kerana ianya memberi tumpuan terhadap aspek latih tubi melibatkan latihan-latihan pengukuhan bahasa. Oleh itu, perancangan yang tersusun dan teratur amat dititikberatkan bagi memastikan kelancaran dan keberkesanannya.

Persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang kreatif dapat menarik minat dan motivasi pelajar untuk mempelajari kosa kata Arab secara santai dan menyeronokkan. Dalam pada itu, kerisauan dan tanggapan negatif pelajar terhadap bahasa Arab juga dapat dikurangkan dengan memasukkan elemen-elemen yang berunsurkan amali dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata Arab. Pendekatan kreatif menekankan konsep praktikal yang dapat membantu pelajar mengingat dengan lebih baik berasaskan pengalaman. Keadaan ini juga secara tidak langsung dapat meningkatkan kecekapan berbahasa pelajar. Justeru, usaha dan kreativiti berterusan dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata Arab hendaklah ditingkatkan bagi memperkasakan pembudayaan berbahasa Arab dalam kalangan pelajar.

Pendekatan kreatif bukan sahaja mampu memberi impak positif terhadap pengajaran dan pembelajaran kosa kata Arab, tetapi dapat menggalakkan pelajar aktif untuk mengikuti aktiviti-aktiviti pembelajaran. Melalui pendekatan kreatif juga, kemahiran interpersonal pelajar dapat dipupuk melalui semangat kerjasama berpasukan. Kajian lepas menunjukkan pencapaian pelajar dalam aspek pelajaran turut meningkat (Muhammad Syaifullah 2016; Fairusnita & Kamarul Shukri 2015). Dapatan ini bersesuaian dengan pendapat Rinkevich (2011) bahawa pendekatan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran dapat membantu meramal pencapaian pelajar dalam pembelajaran. Justeru, warga pendidik hendaklah mengambil peranan dalam usaha menjana idea yang kreatif untuk memupuk kreativiti dalam kalangan pelajar dengan lebih berkesan.

Penghargaan

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan dana FRGS/1/2016/SS109/UKM/02/7. Jutaan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan UKM kerana memberi dana bagi menjalankan kajian ini.

Rujukan

- Abd Razak Abu Chik. 2004. Pendekatan Pengajaran Berasaskan Kata Serapan Bahasa Melayu untuk Meningkatkan Pemahaman Perbendaharaan Kata Bahasa Arab Tinggi. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Faizuddin, al-Nuaimy, T & al-Anshory, A.S. 2016. Exploring teachers' creative teaching strategies in teaching arabic as a foreign language at a private Islamic secondary school in Malaysia. *IIUM Journal Of Educational Studies* 4: 21- 37.
- Ahmad Ismail, Mohamad Syukri Abd Rahman, Mohd Izzuddin Mohd Pisol & Adnan Mat Ali & Mohd Kamal Radiman. 2016. Pelaksanaan kemahiran menulis dalam pengajaran

- bahasa Arab di Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) Selangor. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 2(2): 55-62.
- Ahmad Shafiq Mat Razali, Muhammad Haron Husaini, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Diyak Ulahman Mat Saad, Syafiqah Mohd Haron, Nur Hanani Hussin & Mohd Khamal Md Daud. 2017. Kemahiran dan penyediaan bahan guru bahasa Arab terhadap penggunaan bahan bantu mengajar. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 4(2): 120-126.
- Aidah Abdul Karim, Mazalah Ahmad, Zanaton Ikhsan & Parilah Mohd Shah. 2016. Penerapan pemikiran kreatif pelajar melalui pendekatan neriage. Dlm. *Kreativiti dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ashinida Aladdin. 2013. Demotivating factors in the Arabic language classroom: what demotivates non-muslim Malaysian learners when it comes to learning Arabic? *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 93: 1652-1657. doi:10.1016/j.sbspro.2013.10.096.
- Azani Ismail @ Yaakub, Azman Che Mat & Mat Taib Pa. 2012. Membina kemahiran pertuturan menerusi aktiviti lakonan dalam pengajaran bahasa Arab *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12: 325–337. https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00004564_84226.pdf.
- Azman Che Mat & Ahmad Nazuki @ Marzuki Yaakub. 2010. Kegunaan transliterasi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. *GEMA Online Journal of Language Studies* 10 (2): 19-35.
- Boctor, L. 2013. Active-learning strategies: The use of a game to reinforce learning in nursing education. A case study. *Nurse Education in Practice*, 13(2): 96–100. <https://doi.org/10.1016/j.nepr.2012.07.010>.
- Cahyani, A. D. 2016. Gamification approach to enhance students engagement in studying language course. *MATEC Web of Conferences*, 58: 03006. doi:10.1051/mateconf/20165803006.
- Dedek Febrian, Maimun Aqsha Lubis, Irma Martiny Md Yasim & Nur Syamira Abdul Wahab. 2017. Teknik Pengajaran Bahasa Arab Interaktif di Pusat Bahasa Negeri Selangor. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* 1(1): 78-93.
- Dornyei, Z. 2005. *The psychology of the language learner: Individual differences in second language acquisition*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates. <https://psycnet.apa.org/record/2005-08715-000>. [20 Mac 2019].
- Ellis, R. 1994. *The Study of Second Language Acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Fairosnita Ibrahim & Kamarul Shukri Mat Teh. 2015. Pengaruh permainan bahasa terhadap motivasi murid sekolah rendah dalam pembelajaran perbendaharaan kata bahasa Arab. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 1(2): 41–50.
- Hamari, J., Koivisto, J. & Sarsa, H. 2014. Does gamification work? - A literature review of empirical studies on gamification. *Proceedings of the Annual Hawaii International Conference on System Sciences*, hlm. 3025–3034. doi:10.1109/HICSS.2014.377
- Harun Baharudin & Zawawi Ismail. 2016. *Konsep & Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab*. Bangi: Penerbit UKM.
- Intan Zakiah Jamaluddin, Mohamad Khairi Othman, Mohd Zailani Mohd. Yusof & Mardzelah makhsin. 2018. Kaedah pengajaran subjek Hifz al-Quran terhadap pelajar tahfiz di Marsah, Johor. *Jurnal Hadhari*. 10(1):109-124.

- Irma Martiny Md Yasim, Maimun Aqsha Lubis, Zaid Arafat Mohd Noor & Aisyah Sjahrony. 2017. Penggunaan teknik pembelajaran aspek kosa kata bahasa Arab dalam kalangan murid. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* 1(1): 14-24.
- Kamarulzaman Abd. Ghani, Nik Mohd Rahimi Nik Yusof, Harun Baharuddin, Hamidah Yamat, Zamri Ahmad & Ibtisam Abdullah. 2011. Development of a learning module on Arabic language skills outside of the classroom. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 18:154-162.
- Kaseh Abu Bakar, Maheram Ahmad & Md. Nor Abdullah. 2011. The empowerment of postgraduate students in Arabic. *Procedia- Social and Behavioral Sciences*.18: 481-490.
- Linda, T. 1990. *Teaching and Learning Vocabulary*. London: Prentice Hall International (UK) Ltd.
- Lightbown, P.M & Spada, N. 2003. *How Languages are Learned*. Oxford: Oxford University Press.
- Maimun Aqsha Lubis, Zaffi Alias & Hanis Najwa Shahrudin. 2014. Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kurikulum Bu'uth al-Azhar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 39 (1): 51-61.
- Mohamad Mohsin Mohamad Said & Nasruddin Yunos. 2008. Peranan guru dalam memupuk kreativiti pelajar. *Jurnal Pengajian Umum*. 9: 57-71. http://www.ukm.my/jmalim/images/vol_09_2008/artikel%205%20-%20mohsin%20ms%2057-72.pdf.
- Mohamad Ridhuan Mat Dangi, Mohd Fairuz Adnan & Mohd Zulfikri Abd. Rashid. 2017. An innovation in teaching and learning of accounting concept using AccRoBa Game approach. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 42 (1):21-32.
- Mohammad Seman & Mohd Zuhir Abd Rahman. (2006). Strategi penilaian pembelajaran kemahiran mendengar dan bertutur bahasa Arab. Dlm Mohd Rosdi Ismail dan Mat Taib Pa, (Penyt), *Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*, (hlm. 89-106), Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Shahrizal Nasir, Nurkhamimi Zainuddin & Muhammad Sabri Sahrir. 2017. Persepsi pelajar bukan Muslim terhadap pembelajaran bahasa Arab. *ISLAMIYYAT* 39(1): 29-37. (<http://dx.doi.org/10.17576/islamiyyat-2017-3901-04>).
- Muhamadul Bakir Yaakub. 2007. Teaching Arabic as a second language: An evaluation of key word method effectiveness. *Jurnal Teknologi*, 46(E): 61.72.
- Muhammad Syaifullah. 2016. Pembelajaran Kooperatif Tipe Make A Match dalam meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Arab santri TPA Al-Barokah Hadimulyo Timur Metro Pusat. *Jurnal al-Ta'dib*. 11(2): 305-321.
- Muhammad Zahri & Muhammad Haron 2016. Tahap penguasaan penulisan karangan bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah agama menengah. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. 3(1): 123-138.
- Nor Yazidah Yahya, Che Radiah Mezah, Nik Farhan Mustapha & Mohd Sukki Othman. 2016. Pemilihan kosa kata dalam pembinaan modul pembelajaran asas bahasa Arab untuk pelajar warga emas. *Jurnal al-Anwar*. 2(2): 73-92.
- Rabiatul Aribah Muhd Isa, Nik Hanan Mustapha, Tg Ainul Farha Tg Abdul Rahman & Nadhilah Abdul Pisal. 2014. Vocabulary learning strategies: Differences between arabic and non-Arabic majoring students at the International Islamic University Malaysia.

- Middle-East Journal of Scientific Research 20 (Language for Communication and Learning)*: 28-32. [https://www.idosi.org/mejsr/mejsr20\(lcl\)14/4.pdf](https://www.idosi.org/mejsr/mejsr20(lcl)14/4.pdf).
- Ramani, G. B., Siegler, R. S., & Hitti, A. 2012. Taking it to the classroom: Number board games as a small group learning activity. *Journal of Educational Psychology*, 104 (3) :661-672. <http://dx.doi.org/10.1037/a0028995>
- Rinkevich, J.L. 2011. Creative Teaching: Why it Matters and Where to Begin. *A Journal of Educational Strategies, Issues and Ideas* 84 :219-223.
- Rosni Samah, Mohd Fauzi Abdul Hamid, Shaferul Hafes Sha'ari & Amizan Helmi Mohamad. 2013. Aktiviti pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan jurulatih debat. *GEMA Online Journal of Language Studies* 13(2):99-116.
- Rowe, A.L. 2004. *Creative Intelligence: Discovering the Innovative Potential in Ourselves and Others*. New Jersey: Pearson Pentice Hill.
- Salmah Ahmad & Suhaila Zailani @ Ahmad. 2017. al-La^b al-Bidagugi Hajjah Mulazamah li ^cAmaliyyah al-Ta^callum dlm *al-Lughah al-^cArabiyyah wa Adabuha wa Tsaqafatuha fi al-Mamlakah al-^cArabiyyah al-Su^cudiyyah wa Maliziyya*, 298-306. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Sinar Harian. 2018. KPM lancar kempen guru pembelajaran abad ke-21. 20 Disember[<https://www.sinarharian.com.my/article/3275/BERITA/Nasional/KPM-lancar-kempen-guru-pembelajaran-abad-ke-21>]
- al-Sini, Mahmud Ismail, Nasif Mustafa, ^cAbd al-Aziz & Mukhtar al-Tahir, Hussain. 1985. *Murshid al-Mu^callim fi Tadris al-^cArabiyyah li ghayr al-Natiqina biha*. Riyadh: Maktab al-Tarbiyyah.
- Suhaila Zailani, Kaseh Abu Bakar, Nik Farhan Mustapha, Hakim Zainal, Zulkifli Nawawi & Ezad Azraai Jamsari. 2019. Improvement in *sarf* (morphology) competency through gamification at Miri National Religious Secondary School (SMKAMi). *International Journal of Academics Research in Bussiness & Social Sciences*. 9(1): 684-697.
- Suhaila Zailani @ Ahmad, Maryam Abdul Rahman, Salmah Ahmad, Kaseh Abu Bakar & Hakim Zainal. 2017. Mu^caskar Wasit Fa^cal li Ta^cziz al-Maharat al-Lughawiyyah dlm *al-Lughah al-^cArabiyyah wa 'Adabuha wa Thaqqafatuha fi al-Mamlakah al-^cArabiyyah al-Su^cudiyyah wa Maliziyya*, 307-319. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Walker, C. 2017. Learning Hebrew as a Second or Foreign Language: Issues of Directionality, Orthography, and Metalinguistic Awareness. https://www.casje.org/sites/default/files/docs/casje_hebrew_language_education_literature_review_-_chad_walker_-_20171129.pdf.
- Wilhelm, T. 2008. High-fidelity, Creative Teaching. *Leardership*, 32-36.
- Zamri Arifin, Ezad Azraai Jamsari, Khaulah Riddzwan, Muhamad Ridzuan Abdul Latif & Zulazhan Ab Halim. 2014. Attitudes of distance learning students at UKM's Faculty of Islamic Studies towards learning Arabic language skill courses. *Turkish Online Journal of Distance Education*. 15(1). 174-188..